



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM TIDAK BEROPERASI SEMPENA CUTI HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2016 / 1437H

Cyberjaya, 1 Julai - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa semua pejabatnya di seluruh negara akan ditutup beberapa hari sempena cuti Hari Raya Aidilfitri 2016 / 1437H.

Maklumat lanjut berhubung penutupan pejabat-pejabat LHDNM bagi seluruh negeri sempena sambutan Aidilfitri adalah seperti jadual berikut:

PEJABAT LHDNM	TARIKH CUTI HARI RAYA AIDILFITRI 2016 / 1437H
Ibu Pejabat dan Cawangan di semua negeri kecuali Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor	6 hingga 10 Julai 2016
Semua Cawangan di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor	6 hingga 9 Julai 2016
Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Kuala Lumpur, Melaka, Perak, Pahang, Kedah & Johor	6 hingga 8 Julai 2016
Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Sabah & Sarawak	6 hingga 8 Julai 2016

Penutupan operasi sempena aidilfitri ini meliputi semua Kaunter Perkhidmatan Nasihat Percukaian, Pusat Bayaran, Pejabat Setem Cawangan, Talian Khidmat Hasil dan Pusat Khidmat Hasil (PKH).

Sungguhpun begitu, para pelanggan masih boleh meneruskan urusan percukaian mereka melalui kemudahan ezHASiL iaitu rangkaian perkhidmatan elektronik yang disediakan melalui portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

LHDNM ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua pelanggan yang beragama Islam.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



HASiL Teman Keceriaan Anda

Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Talian Khidmat Hasil : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 1 Julai 2016

Kenyataan Media LHDNM, 1 Julai 2016